



#### Jabatan Akuakultur UPM Kongsi Kepakaran Dengan Syarikat Ternakan Udang



*Pakar Penyakit Udang UPM, Prof. Madya Dr. Hassan Daud (kanan) sedang membuat eksperimen kepada peserta*

**JERLUN, 18 Jun** – Jabatan Akuakultur Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memberi kursus singkat kepada 200 operator dan 20 pegawai teknikal syarikat ternakan Blue Archipelago Bhd. di Air Hitam, Jerlun, Kedah sejak 6 Mei lalu.

Pengendali kursus, Abdullah Abd Rahim berkata kursus selama tiga bulan itu merangkumi aspek pengurusan ternakan udang marin, pemakanan, penyakit, mutu air, biosekuriti, perkembangan industri udang marin negara dan serantau, penyimpanan rekod dan peranan utama operator kolam dalam tugas harian pengeluaran udang marin dari sistem kolam.

“Seramai enam staf UPM terlibat menjayakan kursus tersebut iaitu lima pensyarah Jabatan Akuakultur dan seorang pensyarah Fakulti Veterinar.”

“Jabatan Akuakultur UPM dipilih mengendalikan kursus untuk syarikat tersebut kerana tenaga pengajarnya berpengalaman serta terdedah dengan aktiviti pengkomersialan dan kerjasama syarikat swasta,” katanya yang juga Pengajar Khas Jabatan Akuakultur.

Blue Archipelago yang ditubuhkan pada tahun 2007 berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan akuakultur negara yang bercirikan komersil.

Projek ternakan udang komersil di syarikat itu mengandungi 226 kolam seluas 400 hektar.



*Pemandangan tapak projek ternakan udang Blue Archipelago Bhd. di Air Hitam, Kedah*

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat.